



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**4 JANUARI 2021 (ISNIN)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- Selangor kekal rekod tertinggi 14

**Berita Harian**

- 11 kematian majoriti babit warga emas 6

**Harian Metro**

- Catat 1704 kes baharu, 11 Kematian 9

**The Star**

- Traffic lights needed in Taman Bukit Teratai 4



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**4 JANUARI 2021 (ISNIN)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Selangor kekal rekod tertinggi
Muka Surat	14

# Selangor kekal rekod kes tertinggi

11 kematian dilaporkan pada Ahad, kesan sembilan lagi kluster baharu

**KUALA LUMPUR**

**S**elangor kekal merekodkan kes harian tertinggi bagi Covid-19 dengan 673 kes iaitu 39.5 peratus daripada keseluruhan 1,704 jumlah kes baharu bagi tempoh 24 jam lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia sebanyak 119,077 ma-

nakala jumlah kes aktif dengan kebolehsangkitan Covid-19 pula adalah sebanyak 21,365 kes.

"Daripada jumlah kes baharu ini, terdapat lima kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara, manakala penularan dalam negara pula adalah sebanyak 1,699 kes," menurutnya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 di sini pada Ahad.

Menurutnya, daripada 673 kes baharu di Selangor, sebanyak 509 kes adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Sabah merupakan negeri kedua tertinggi dengan 316 kes (18.5 peratus), diikuti Johor sebanyak 179 kes (10.5 peratus).

"Sebanyak 11 kematian direkodkan hari ini (Ahad) membabitkan seramai 10 rakyat tempatan dan seorang bukan warganegara berumur lingkungan 53 hingga 77 tahun yang terdiri daripada tujuh lelaki dan empat wanita," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sebanyak 2,726 kes sembuh dicatatkan pada Ahad yang menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 adalah sebanyak 97,218 kes (81.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Dalam perkembangan sama,



**DR NOOR HISHAM**

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan sembilan lagi kluster baharu dengan lima daripadanya adalah kluster tempat kerja.

Menurutnya, ia menjadikan jumlah keseluruhan kluster di seluruh Malaysia kini sebanyak 532 kluster, dengan kluster aktif yang dipantau adalah 232 kluster.

"Kluster tempat kerja itu dikesan melalui saringan bersasar di tempat kerja, manakala kluster lain dikesan melalui saringan individu bergejala," katanya.

Beliau berkata, kluster tempat kerja terbabit ialah Kluster Tapak Bina Perdana Avenue di Petaling, Selangor; Kluster Osmo Jaya di Hulu Langat, Selangor; Kluster Belati di Johor Bahru, Kota Tinggi, Kulai dan Pontian; Kluster Wawasan Gading di Batu Pahat, Johor serta Kluster Rengit Sentral di Kota Tinggi, Kluang dan Johor Bahru.

"Bagi empat kluster baharu yang lain ialah Kluster Lintas Seraya di Kota Kinabalu dan Penampang, Sabah; Kluster Manik di Kuala Krai, Kelantan dan Dungun, Terengganu; Kluster Paloh Tumpat di Kelantan dan Kluster Stutong di Kuching, Sarawak," kata Dr Noor Hisham. - *Bernama*

Sf 4/1/2021 m 14



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**4 JANUARI 2021 (ISNIN)**

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	11 kematian majoriti babit warga emas
Muka Surat	6

Penularan COVID-19

# 11 kematian majoriti babit warga emas

Selangor catat angka korban tertinggi, sembilan kluster baharu dikesan

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Angka korban akibat COVID-19 terus meningkat dengan 11 lagi kematian direkodkan semalam, majoritinya membabitkan warga emas yang mempunyai sejarah penyakit kronik.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Selangor mencatatkan kematian tertinggi dengan tiga dilaporkan di Hospital Sungai Buloh, dua di Hospital Kajang dan satu di Hospital Serdang.

Selain itu, katanya masing-masing dua kematian dilaporkan di Johor dan Sabah, serta baki satu lagi di Kedah.

"Semua 11 kes kematian

membabitkan tujuh lelaki dan empat wanita yang berusia antara 53 hingga 77 tahun.

"Jumlah itu menjadikan keseluruhan 494 kes kematian direkodkan negara sehingga semalam atau 0.41 peratus daripada keseluruhan kes," katanya melalui kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan 1,704 kes baharu COVID-19 dicatatkan semalam, menurun berbanding dua hari berturut-turut merekodkan angka melebihi 2,000 kes.

Katanya, ia menjadikan kumulatif 119,077 kes direkodkan negara, termasuk 21,365 kes aktif dengan kebolehhangkitan.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu 673 kes (39.5 peratus). Daripada jumlah ini, sebanyak 509 kes (75.6 peratus) dikesan melalui kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Sabah dengan 316 kes (18.5 peratus) dan Johor sebanyak 179 kes (10.5 peratus).

"Sebanyak 74 kes (4.3 peratus) yang dilaporkan pula berkaitan kluster di lokap, depot tahanan imigresen dan penjara yang

membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (56 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (tujuh kes), Kluster Tembok Choh (lima kes), Kluster Tembok Gajah (tiga kes), Kluster Tembok (dua kes) dan satu kes melalui Kluster Kolam Air.

"Sejumlah 2,726 kes sembuh direkodkan semalam, menjadikan kumulatif 97,218 kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 atau 81.6 peratus daripada keseluruhan kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) turut mengesan sembilan kluster baharu jangkitan COVID-19 menjadikan keseluruhan 532 kluster dikesan di negara ini sejak Januari tahun lalu.

Katanya, ia membabitkan Kluster Lintas Seraya, Tapak Bina Perdana Avenue, Osmo Jaya, Belati, Wawasan Gading, Rengit Sentral, Manik, Paloh Tumpat dan Stutong.

Beliau berkata, semua kluster berkenaan dikesan di Johor, Selangor, Kelantan dan Sarawak.

Pada masa sama, katanya KKM mengisytiharkan penamatan enam kluster iaitu Klus-



**Semua 11 kes kematian membabitkan tujuh lelaki dan empat wanita yang berusia antara 53 hingga 77 tahun.**

**Dr Noor Hisham Abdullah,**  
Ketua Pengarah Kesihatan

ter Sungai Cincin, Kluster Tempasuk, Kluster Jalan Tuaran, Kluster Gangsa, Kluster Plaza, dan Kluster Teluk.

"Ini menjadikan jumlah kluster aktif dipantau sebanyak 232 kluster. Daripada jumlah itu, 59 kluster melaporkan pertambahan kes pada hari ini.

"Kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Kebun Baru (89 kes), Kluster Beringin (82 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (56 kes) dan Kluster Sungai Putus (56 kes)," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**4 JANUARI 2021 (ISNIN)**

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Catat 1704 kes baharu, 11 Kematian
Muka Surat	9



PENGENJUNG dilihat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketika berurusan di UTC Sentral, Kuala Lumpur, semalam.

# Catat **1,704 kes** baharu, **11 kematian**

Selangor catat kes harian tertinggi diikuti Sabah dan Johor

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor  
hafidzul@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

**K**es jangkitan baharu Covid-19 di seluruh negara semalam mencatatkan 1,704 kes dengan 11 kematian dilaporkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jangkitan terbaharu direkodkan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di Malaysia meningkat kepada 119,077 kes dengan kebolehhajangan sebanyak 21,365 kes.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut merekodkan bilangan kes sembuh Covid-19 sebanyak 2,726 kes menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah 97,218 kes.

"Daripada jumlah kes baharu berkenaan, lima kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan dalam negara pula 1,699 kes.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 673 kes (39.5 peratus). Daripada jumlah ini, 509 kes (75.6 peratus) adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti Sabah sebanyak 316 kes (18.5 peratus) dan Johor sebanyak 179 kes (10.5 peratus).

"Sebanyak 74 kes (4.3 peratus) dilaporkan berkaitan kluster-kluster di lokap, de-

**9**  
Jumlah kluster baharu iaitu Kluster Lintas Seraya, Tapak Bina Perdana Avenue, Osmo Jaya, Belati, Wawasan Gading, Rengit Sentral, Manik, Paloh Tumpat dan Kluster Stutong

pot tahanan imigresen dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (56 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (7 kes), Kluster Tembok Choh (5 kes), Kluster Tembok Gajah (3 kes), Kluster Tembok (2 kes), dan Kluster Kolam Air (1 kes)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau turut memaklumkan terdapat pertambahan

11 kematian semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian setakat ini adalah sebanyak 494 kes atau 0.41 peratus.

"Sehingga kini, terdapat 124 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) di mana 51 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Noor Hisham berkata, KKM semalam merekodkan sembilan kluster baharu.

Katanya, sembilan kluster baharu itu adalah Kluster Lintas Seraya; Tapak Bina Perdana Avenue; Osmo Jaya, Belati; Wawasan Gading; Rengit Sentral; Manik; Kluster Paloh Tumpat dan Kluster Stutong.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**4 JANUARI 2021 (ISNIN)**

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Traffic lights needed in Taman Bukit Teratai
Muka Surat	4

## Traffic lights needed in Taman Bukit Teratai

By FARID WAHAB  
faridwahab@thestar.com.my

IT IS hoped that a proposal to instal traffic lights at the intersection of Jalan Teratai 2/5 and main road Jalan Teratai 1/2 in Taman Bukit Teratai, Ampang, will help to ease potential traffic congestion in the area.

The main road, which cuts through six housing areas, is expected to accommodate an increase in traffic flow when it connects to the Sungai Besi-Ulu Kelang Elevated (Suke) Expressway sometime in the middle of the year.

The affected housing areas are Taman Bukit Teratai, Taman Muda, Taman Putra, Taman Seraya, Taman Melur

and Taman Saga.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) Zone 23 councillor Mohamad Samat said the proposal to the Hulu Langat Works Department (JKR) was drawn up after a survey found overwhelming support from residents for the traffic lights.

He said the survey, which was conducted in November by Teratai assemblyman Bryan Lai's office, revealed that 82% of 212 respondents were in favour of the proposal.

"The proposal will be sent to JKR this month.

"We hope that the traffic lights can be installed before the Suke project is completed," said Mohamad.

He said the traffic lights were needed to

regulate the expected increase in traffic as more motorists would use the main road to enter and exit the Suke Expressway.

He stressed that the main road was usually busy as there were some 800 housing units and commercial premises as well as public facilities.

"Many residents cross this road each day to visit the commercial premises for their daily shopping while many parents use it to pick up and drop off their children at SK Taman Bukit Teratai.

"There is also a *surau* and a public park nearby.

"The traffic lights will ensure the road is safer for both motorists and pedestrians to use," he added.

TS 4/1/2021 msy